

30.3.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **LANJUTAN PKP SEHINGGA 14.4.2020: PBAPP LANJUTKAN PENUTUPAN KAWASAN REKREASI AWAM DAN PEMBERHENTIAN SEMENTARA PERKHIDMATAN BUKAN KRITIKAL**

**Sekarang sehingga 14.4.2020:**

- **Empangan Air Itam, Taman Rekreasi Bukit Dumar dan Empangan Teluk Bahang akan terus ditutup kepada orang awam.**
- **Semua 9 Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP akan terus ditutup.**
- **Tiada bacaan meter di Pulau Pinang.**
- **Tiada pengapitan meter/pemotongan bekalan air di Pulau Pinang.**
- **Tiada pemprosesan permohonan bekalan air baharu.**

PULAU PINANG, Isnin, 30.3.2020: Untuk melawan COVID-19, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mematuhi sepenuhnya arahan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan penjarakan sosial yang selamat di Pulau Pinang.

Pada 25.3.2020, Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga 14.4.2020.

### **LANGKAH-LANGKAH MEMASTIKAN KESELAMATAN AWAM**

Oleh itu, kawasan rekreasi awam seperti Empangan Air Itam, Taman Rekreasi Bukit Dumar dan Empangan Teluk Bahang akan terus ditutup sehingga 14.4.2020.

9 Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP juga akan ditutup dari sekarang hingga 14.4.2020. Pengguna air Pulau Pinang boleh membayar bil-bil air mereka secara *online* menerusi saluran berikut:

- Aplikasi “myPBA” app (boleh dimuat turun dari *Apple App Store* dan *Google Play Store*).
- JOMPAY (kod pengebil: 50385).
- Bayaran tunai melalui Pos Malaysia, kiosk *Paylink*, ATM dan agensi kutipan yang dilantik, seperti *Happy Mart*.

Untuk mengoptimumkan keselamatan, kami menggalakkan pengguna air menggunakan aplikasi myPBA atau JOMPAY untuk membuat pembayaran secara *online* dari rumah mereka.

Tiada pembaca meter PBAPP akan melawat mana-mana premis di Pulau Pinang sepanjang tempoh lanjutan PKP. Semua bil PBAPP yang dikeluarkan untuk penggunaan air pada ketika ini akan berdasarkan anggaran.

Pengapitan meter dan operasi pemotongan bekalan air turut dihentikan sementara dari sekarang hingga 14.4.2020, kerana semua orang perlu mempunyai bekalan air ketika mereka duduk di rumah untuk melawan COVID-19.

Tiada permohonan bekalan air baharu yang akan diproses sehingga tempoh lanjutan PKP berakhir kerana PBAPP menumpukan kepada tanggungjawab utamanya untuk memastikan perkhidmatan bekalan air berterusan, 24/7, kepada 631,250 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang.

## TUMPUAN KEPADA OPERASI KRITIKAL

Bekalan air harian di Pulau Pinang TIDAK akan terjejas oleh langkah-langkah menangani keselamatan awam ini. PBAPP akan terus memberi tumpuan kepada operasi bekalan air kritikal yang berikut:

Operasi Kritikal		Status
1	Abstraksi air mentah	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
2	Rawatan air	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
3	Agihan air kepada 631,250 pengguna air di Pulau Pinang	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
5	Kerja pembaikan paip	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
4	Penyambungan semula bekalan air	Beroperasi sepenuhnya, 24/7
6	Pusat panggilan 24 jam	Beroperasi sepenuhnya, 24/7

Kakitangan PBAPP bekerja, siang dan malam, untuk membekalkan air ke rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sepanjang tempoh PKP.

Sila gunakan air dengan berhemat untuk membersihkan tangan dengan kerap dan teliti. Gunakannya untuk mengekalkan kebersihan peribadi dan kediaman yang baik.

Paling penting, perlu ambil perhatian bahawa penjarakan sosial adalah langkah pencegahan yang paling berkesan dalam memerangi COVID-19.

Duduk rumah untuk pastikan selamat.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)